

Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan

Perakaunan

akruan mengiktiraf dan merekodkan urus niaga pada masa urus niaga berlaku. Di samping itu, semua asset dan liability juga diperakaunkan di bawah perakaunan akruan. Semua urus niaga tersebut dilaporkan di penyata kewangan bagi tempoh tahun kewangan yang sama. Untuk tujuan ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan mengeluarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berasaskan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)*.



Struktur Tadbir Urus Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Perbezaan di antara perakaunan tunai ubahsuai dengan perakaunan akruan adalah seperti di bawah:

		ASAS TUNAI UBAHSUAI	ASAS AKRUAN
1	Hasil	Diiktiraf/direkod hanya apabila tunai diterima.	Diiktiraf/direkod dalam tempoh diperolehi (earned).
2	Perbelanjaan	Diiktiraf/direkod hanya apabila bayaran tunai dilakukan.	Diiktiraf/direkod dalam tempoh dibelanja/digunakan (incurred).
3	Aset	Tidak dipermodalkan dan diiktiraf/direkod sebagai perbelanjaan pada masa pembayaran.	Diiktiraf/direkod sebagai aset dan dipermodalkan dalam tempoh usia gunanya. Susutnilai dikenakan sepanjang tempoh usia gunanya.
4	Liabiliti	Tidak dilaporkan dan diiktiraf/direkod sebagai perbelanjaan pada masa pembayaran.	Diiktiraf/direkod dalam tempoh ianya ditanggung (incurred) sehingga dilunaskan.